

# Lawatan PM ke Mesir pererat kerjasama agama, pendidikan

- Bidang pendidikan banyak mendapat manfaat daripada hubungan dua negara ini antaranya inisiatif 'Mu' adalah Al-Azhar Al-Syarif kepada Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- Ilmuwan dan ulama Mesir dibawa ke Malaysia bagi menyampaikan syarahan dalam Majlis Ilmu Madani untuk manfaat pemimpin, ulama, ilmuwan serta masyarakat Islam



Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Oleh Datuk Dr Sirajuddin Suhaimie  
bhrencana@bh.com.my

Mesir yang dikenali sebagai 'Ardul Kinanah' mempunyai hubungan diplomatik istimewa dengan Malaysia. Masyarakat Islam di Malaysia sangat menyanjung tinggi Mesir, khususnya al-Azhar al-Syarif yang menjadi 'kiblat ilmu' kepada umat Islam dari Malaysia dan antara-bangsa.

Tidak hairanlah ribuan anak bangsa bergraduasi dan belajar di Mesir dalam pelbagai bidang di beberapa institusi pengajian terkemuka di Mesir.

Terdapat beberapa institusi lain membabitkan pengurusan hal ehwal Islam di Mesir, antaranya ialah 'Dar al-Ifta', Kementerian Wakaf, 'Niqabah al-Asyraf' dan 'Majlis al A'la Li Turuq Sufiyyah' yang menjadi rujukan institusi Islam di Malaysia.

Dalam bidang ekonomi, Mesir adalah rakan dagang kelima terbesar Malaysia dalam kalangan negara Afrika dengan nilai dagangan RM3.35 bilion pada 2023, manakala nilai eksport dan import menunjukkan peningkatan positif 21.4 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Rancangan ekonomi ini secara tidak langsung mengukuhkan hubungan Malaysia-Mesir dibina sejak 65 tahun atau lebih tepat lagi pada 10 November 1959.

Bagi menzahirkan hubungan erat terjalin ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan rasmi ke Mesir atas jemputan khas Presiden Abdel Fattah El-Sisi.

Kunjungan penuh bermakna ini dilengkapi dengan termetrinya beberapa memorandum persefahaman (MoU) khususnya dalam bidang hal ehwal Islam bagi meningkatkan kerjasama bidang wasatiyyah, pendidikan, pengurusan fatwa, penyelidikan Islam, persijilan halal, pertukaran tenaga pakar, latihan dan menangani ideologi ekstrem.

Bidang pendidikan antara bidang banyak mendapat manfaat daripada hubungan dua negara ini antaranya inisiatif 'Mu' adalah Al-Azhar Al-Syarif kepada Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi pelajar Darul Quran untuk menyambung pengajian Ijazah di Ma'ahad Tahfiz wal Qiraat, Shoubra, Mesir.

Melalui inisiatif ini, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kualiti pendidikan al-Quran dipelopori JAKIM melalui Darul Quran.

Selain itu penempatan pensyarah bahasa Arab Al Azhar Al-Syarif di pusat pengajian tinggi JAKIM seperti Darul Quran, Institut Pendidikan dan Dakwah Islam Sabah (IPDAS) dan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dapat

memperkuh penguasaan bahasa Arab pelajar.

Malaysia turut mengiktiraf peranan dimainkan Imam Besar Al-Azhar, Al Imam Al Akbar Sheikh Prof Dr Mohammad Ahmad Tayyib kepada Malaysia dan sumbangannya kepada seluruh umat Islam dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersempena lawatan rasmi atas jemputan Perdana Menteri ke Malaysia pada Julai lalu.

## Hargai peranan, sumbangan diberikan

Penganugerahan ini bertepatan dengan peranan cukup besar dimainkan beliau dalam melakukan anjakan paradigma dalam bidang kepakarannya iaitu Ilmu Usuluddin dan terbabit lebih 23 tahun dalam bidang pengajian Quran.

Ilmuwan dan ulama Mesir juga dibawa ke Malaysia atas jemputan Perdana Menteri bagi menyampaikan syarahan dalam Majlis Ilmu Madani diadakan beberapa siri untuk manfaat pemimpin, ulama, ilmuwan serta masyarakat Islam di Malaysia.

**"Perdana Menteri juga menyatakan komitmen dan kesediaan menggalakkan pembabitan Mesir dengan ASEAN. Semoga segala usaha usaha ini akan memberi manfaat kepada negara dan ummah bagi menjayakan aspirasi Malaysia MADANI"**

Secara tidak langsung program ini menjadi salah satu usaha dakwah menyebarluaskan penghayatan Islam bermanhaj Ahli Sunnah wal Jamaah serta bersesuaian dengan manhaj Malaysia.

Mendepani isu semasa hal ehwal Islam semakin rumit merangkumi ancaman akidah, pemikiran semasa, isu syariah mahupun isu sosial, ia memerlukan latihan kepada pegawai hal ehwal Islam mencukupi dan berdaya saing.

Sekurang-kurangnya lima kursus anjuran JAKIM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di-

laksanakan dengan kerjasama kerajaan Mesir iaitu Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa, Kursus Imam dan Pendakwah, Kursus Bahasa Arab dan Kejurulatihan, Kursus Profesionalisme Imam Masjid Wilayah Persekutuan dan Kursus Hakim Tilawah al-Quran.

Ini membabitkan lebih 500 pegawai kanan JAKIM, agensi agama, majlis agama Islam negeri (MAIN), jabatan agama Islam negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan ahli akademik.

JAKIM turut mempunyai hubungan sangat erat dengan Kementerian Wakaf dalam urusan penganjuran Majlis Tilawah serta Hafazan al-Quran peringkat Antarabangsa.

Saban tahun, JAKIM selaku urusetia induk penganjuran majlis akan menjemput dua peserta tilawah mewakili Mesir dan tiga orang hakim dari negara Mesir.

Hakim majlis tilawah dan menghafaz al-Quran ini akan turut dilibatkan dalam program Seminar Al-Quran Antarabangsa bagi berkongsi ilmu serta melatih imam-imam tempatan bagi meningkatkan kualiti bacaan dan peranan mereka di dalam masyarakat.

Meniti ulang tahun hubungan Malaysia-Mesir menjangkau 65 tahun, satu lagi detik penting dimeterai kedua-dua negara hasil lawatan rasmi Anwar tempoh hari iaitu MoU antara JAKIM dan Kementerian Wakaf Mesir, membabitkan lima bidang kerjasama iaitu Latihan dan Kajian saintifik, Wakaf dan Zakat, al-Quran, Masjid dan Pendidikan Islam.

MOU ini ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hassan dan Profesor Dr Osama Al Azhari, Menteri Wakaf mewakili kerajaan Mesir.

Melalui MoU ini, hubungan kerjasama teknikal dapat diperkuh antara kedua-dua negara untuk berkongsi sumber, kapasiti, kecekapan, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran bagi meningkatkan serta mengenal pasti amalan terbaik dipraktikkan, sekali gus memantapkan lagi pengurusan hal ehwal Islam antara Malaysia dan Mesir.

Perdana Menteri turut diberi penghormatan menyampaikan syarahan umum di Universiti Al Azhar dan menyentuh isu umat Islam terutama isu Palestin selain berkongsi usaha terkini kerajaan menerapkan pengajian hadis 40 di sekolah dan memperkasa institusi tahfiz melalui Pendidikan TVET.

Perdana Menteri juga menyatakan komitmen dan kesediaan menggalakkan pembabitan Mesir dengan ASEAN. Semoga segala usaha usaha ini akan memberi manfaat kepada negara dan ummah bagi menjayakan aspirasi Malaysia MADANI.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**